

SOALAN NO: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017

SOALAN : 44

YB Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah strategik Kementerian meningkatkan permintaan (demand) terhadap lambakan graduan perubatan seperti yang telah dibahaskan pada perbahasan Bajet 2017 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah strategik yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menangani masalah lambakan graduan perubatan adalah melalui transformasi perkhidmatan terhadap Program Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di mana lantikan pegawai telah dibuat secara kontrak mulai Disember 2016 sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016.

Pelaksanaan pelantikan secara kontrak ini dilaksanakan berikutan **peningkatan keluaran graduan sama ada dalam dan luar negara dan kekangan jawatan tetap**. Pelantikan secara kontrak ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa menimbang iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pihak berkuasa melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Namun KKM hanya menyediakan slot latihan siswazah berdasarkan kapasiti Hospital Latihan Siswazah dan keupayaan kewangan semasa Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, bagi menangani isu peningkatan graduan perubatan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik, antaranya adalah seperti berikut:

- i. KKM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan moratorium bagi program perubatan dalam negara yang dikuatkuasakan bagi tempoh lima (5) tahun mulai 1 Mei 2011 hingga 30 April 2016 dan kemudiannya dilanjutkan lagi mulai 1 Mei 2016 sehingga 30 April 2021. Moratorium ini meliputi dua perkara iaitu tiada program perubatan yang baru di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan. Bagi keluaran graduan luar Negara pula, ia adalah di luar bidang kuasa KKM;
- ii. meneruskan pengambilan Pegawai Perubatan Gred UD41 setiap dua (2) bulan sekali berdasarkan kekosongan slot latihan siswazah semasa;
- iii. meningkatkan bilangan slot latihan siswazah dengan melaksanakan inisiatif seperti berikut:

- a. menambah sebanyak 190 slot latihan lagi di tiga (3) buah hospital latihan siswazah iaitu Hospital Universiti Sains Malaysia, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang;
- b. perancangan berterusan untuk mengakreditasi dan menambah hospital latihan siswazah yang baharu. Pada masa ini, KKM mempunyai 45 buah Hospital Latihan Siswazah termasuk 3 Hospital Pengajar (HUSM, HUKM, PPUM); dan
- c. PPS perlu menjalani latihan di 6 *posting* (5 *posting* wajib dan 1 *posting* alternatif) sepanjang latihan siswazah. Bagi *posting* alternatif, ianya telah diperluaskan secara berfasa kepada 4 tambahan *posting* alternatif yang meliputi Anestesia, Perubatan Kecemasan, Psikiatri dan Kesihatan Primer.